

**Lebih 20,000 Sertai Muhyiddin Pada Rumah Terbuka Malaysia Krismas
Bernama
26 Disember, 2011**

KAJANG, 26 Dis (Bernama) -- Lebih 20,000 tetamu daripada pelbagai kaum memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang pada Isnin.

Majlis yang bermula sejak 10 pagi itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman pada kira-kira 3.30 petang.

Turut hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim dan isteri Datin Seri Masnah Rais, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Maglin Dennis D'Cruz serta Datuk Joseph Salang.

Terdahulu, Muhyiddin bersama pemimpin lain mengunjungi rumah Peter Ng Ah Kaw yang menerima bantuan baik pulih kediaman melalui program Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).

Ng, 70, menerima sumbangan tunai RM1,000, barangan keperluan asas dan plak 1Malaysia. Turut menerima sumbangan ialah Voral Vengadasamy, 80, dan Na An Tai, 46.

Ng berkata kehadiran Muhyiddin cukup memuaskan hatinya dan keluarga.

"(Saya) sangat gembira, ini hari saya jadi macam VIP, tak sangka ramai orang datang rumah saya. Timbalan Perdana Menteri sangat prihatin dan merendah diri," katanya ketika ditemui pemberita.

Muhyiddin dan Rais kemudian menaiki teksi T.Sidambram untuk ke majlis rumah terbuka Krismas dengan diiringi lima teksi lain.

Ketibaan mereka disambut meriah dengan paluan gendang dan orang ramai yang hadir mengambil peluang bersalaman semua pemimpin berkenaan.

Kemuncak acara menyaksikan Muhyiddin dan isteri merasmikan majlis itu dengan menghias pokok Krismas setinggi 7.62 meter.

Bertemakan Harmoni 1Malaysia, majlis anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan itu diserikan pelbagai persembahan kesenian serta hidangan juadah seperti sate Kajang, nasi beriani, makaroni dan rendang.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan sumbangan Netbook 1Malaysia kepada 30 pelajar cemerlang dari sekitar kawasan tersebut.

Selain itu, 200 isi rumah menerima sumbangan berupa makanan keperluan asas melalui Program Kembara Jalinan Kasih anjuran Jabatan Penerangan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636488>